

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 14 DISEMBER 2010, PUKUL 10.00 PAGI**

Bil. 81

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1233-L40907  
**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Universiti Sains Malaysia (USM) telah dipilih sebagai Universiti APEC pertama negara iaitu sebagai sebuah universiti penyelidikan. Memandangkan pengiktirafan ini sangat baik, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah lagi pengiktirafan Universiti APEC ini supaya dapat meningkatkan mutu penyelidikan negara.
2. PR-1233-L40336  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung Kerajaan akibat pengisytiharan bankrap daripada tahun 2005 hingga sekarang.
3. PR-1233-L40583  
**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membekalkan elektrik kepada semua kawasan pedalaman terutamanya di Sarawak dan berapakah peratus kawasan pedalaman setakat ini yang sudah pun dibekalkan dengan kemudahan asas ini. Adakah hasil daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan setakat ini memuaskan dan jika tidak, apakah perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.
4. PR-1233-L39239  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian menetapkan syarat-syarat minima berkaitan rumah-rumah pangsa kos rendah dari segi saiz unit, sistem aliran air bilik mandi dan kemudahan awam seperti padang permainan dan dewan komuniti.

5. PR-1233-L39102  
**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kriteria-kriteria yang digunakan untuk pemilihan sekolah amanah dalam usaha menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan kecemerlangan pelajar di sekolah Kerajaan.
6. PR-1233-L39167  
**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah projek yang mendapat EOT/lanjut tempoh, kenapa terjadi demikian, apakah sebab diberikan tempoh lanjutan serta berapa kerugian yang terlibat akibat kelewatan tersebut di dalam RMK-9 lalu.
7. PR-1233-L39481  
**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ]** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kes yang telah diambil tindakan yang menyalahi undang-undang di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sejak 10 tahun lalu.
8. PR-1233-L39629  
**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dan keberkesanannya dalam:-
  - (a) memperkasakan hubungan ekonomi antara Negara-negara OIC; dan
  - (b) memperkuuhkan pertukaran teknologi antara negara-negara anggota.
9. PR-1233-L40937  
**Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan program bantuan yang diperuntukkan kepada kumpulan Orang Asli bagi mereka yang ingin menceburi bidang keusahawanan, dan sejauh manakah kejayaan program-program ini (sekiranya ada) dan jumlah masyarakat Orang Asli yang telah mendapat faedah dari program ini.
10. PR-1233-L39913  
**Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dinaiktaraf disebabkan landasan tersebut tidak rata dan membahayakan kapal-kapal terbang apabila mendarat dan hendak berlepas.

11. PR-1233-L39614  
**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuat peraturan atau mendapatkan pandangan Majlis Fatwa berikutan tempat-tempat ibadat orang-orang Islam telah mula dicemar oleh pihak-pihak tertentu.
12. PR-1233-L39929  
**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendirian dan kerjasama yang boleh diberikan mengenai cadangan menaik taraf Sekolah Agama Al Mashoor Al Islami (Sungai Batu, Balik Pulau), sebagai Kolej Islam Negeri mengambil kira profil sejarah sekolah tersebut.
13. PR-1233-L39564  
**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan statistik dan sebab lulusan sekolah menengah yang selepas tamat pengajian serta berjumlah besar tak ditemui dalam tenaga kerja ekonomi atau institusi-institusi pendidikan yang lebih tinggi.
14. PR-1233-L40136  
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perkembangan terbaru pembinaan 7 buah SJK(C) baru yang diluluskan oleh Kementerian dan status perkembangan 13 buah SJK(C) yang dibenarkan berpindah ke tapak baru oleh Kementerian semasa kempen Pilihan Raya Umum 2008.
15. PR-1233-L39539  
**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memperkasakan status bahasa kebangsaan supaya menjadi bahasa perpaduan dan mempunyai nilai komersil bertetapan dengan slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa'.
16. PR-1233-L39707  
**Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :
  - (a) jumlah graduan universiti, pelajar lepasan sekolah dan pekerja yang dibuang diberi latihan di bawah kedua-dua Pakej Rangsangan Ekonomi serta jumlah yang dibelanjakan mengikut jenis latihan, negeri serta kaum; dan
  - (b) daripada jumlah pelatih tersebut berapa ramaikah masih menganggur serta sebab-sebab keadaan ini berlaku. Berikan pecahan mengikut kaum.

17. PR-1233-L39213  
**Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [ Mukah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah penyakit demam dengan meningkat di kalangan rakyat Malaysia. Huraikan kes-kes pada tahun 2008 dan 2009 untuk negeri Sarawak.
18. PR-1233-L40185  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kedudukan terkini hubungan Malaysia dengan negara-negara jiran terutama selepas insiden protes BENDERA dan Proses timbang tara Singapura isu caj-caj tanah KTMB.
19. PR-1233-L39548  
**Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kelayakan untuk sebuah daerah untuk diberi kelulusan bagi penggunaan plat nombor kenderaan. Bolehkah Kementerian mempertimbangkan untuk Ranau seperti Sandakan, Tawau, Kudat dan Beaufort.
20. PR-1233-L39823  
**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pegawai-pegawai sedia ada serta pengambilan baru yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut pecahan kaum yakni Melayu, Peribumi Sabah-Sarawak dan bukan Melayu. Apakah bilangan kes yang melibatkan rasuah RM10 juta ke atas yang telah berjaya ditangani oleh SPMR setakat ini.
21. PR-1233-L39697  
**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan YAB Perdana Menteri telah memperuntukkan sejumlah RM 500 juta dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi tujuan membaik pulih rumah-rumah mampu milik dengan kaedah tanggungjawab kolektif 1:1 (bagi setiap ringgit yang diperuntukkan oleh Kerajaan, pemilik akan menyediakan RM 1) agensi manakah yang akan dipertanggungjawabkan dan apakah syarat-syarat yang ditetapkan.
22. PR-1233-L40321  
**Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula had laju kenderaan di semua jalan raya dan sejauh mana keupayaan jalan-jalan raya memenuhi keperluan peningkatan kenderaan setiap tahun.

23. PR-1233-L40064

**Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimanakah keberkesanan penguatkuasaan terhadap larangan penjualan minyak RON95 kepada warga asing semenjak ia dilaksanakan.

24. PR-1233-L40915

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa sistem KPI yang terpakai terhadap hakim-hakim telah pun mengakibatkan ketidakadilan yang manifest oleh kerana hakim-hakim mendesak pendengaran kes-kes tanpa menghiraukan keadilan kes tersebut untuk menyiapkan satu KPI yang baik.

25. PR-1233-L39672

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah punca kelewatan bagi penyiapan lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu; dan
- (b) berapakah kos asal bagi projek ini dan berapakah jumlah tuntutan yang telah dibayar setakat ini.

26. PR-1233-L39965

**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada satu siasatan akan dilakukan terhadap tuduhan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan yang mendakwa berlaku campur tangan dan gangguan pihak ketiga khususnya Kementerian Dalam Negeri dalam urusan PDRM.

27. PR-1233-L40210

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) semenjak kemerdekaan selama 47 tahun berapa banyakkah jawatan tertinggi Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sabah dan Sarawak yang dijawat oleh pegawai-pegawai di negeri-negeri berkenaan; dan
- (b) bolehkah YB Menteri menyenaraikan nama dan jawatan jabatan yang berkenaan.

28. PR-1233-L40684  
**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah segera yang telah, sedang dan akan dijalankan bagi mengatasi isu kebanjiran warga asing di Ampang yang telah menimbulkan masalah sosial, pergaduhan dan kecurian.
29. PR-1233-L39591  
**Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) jumlah projek sakit pertanian khasnya di kawasan Parlimen Gelang Patah; dan
  - (b) langkah-langkah untuk membantu mengatasi masalah ini.
30. PR-1233-L40269  
**Dato' Rashid bin Din [ Merbok ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tujuan Kerajaan memaksa pemilik kereta yang di saman ekor membayar saman sebelum lesen cukai jalan boleh diperbaharui, walhal orang yang melakukan kesalahan 'saman ekor' belum dikenal pasti.
31. PR-1233-L40070  
**Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian untuk menaik taraf Universiti Malaysia Sabah menjadi sebuah universiti sendiri (*Full-Fledge University*) berteraskan Industri Minyak & Gas dan Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa memandangkan kedudukan Labuan sebagai Hub bagi kedua-dua aktiviti berkenaan.
32. PR-1233-L40582  
**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana objektif NKRA boleh dicapai apabila laporan forensik mengenai kerugian Sime Darby Bhd. berjumlah RM 2.09 bilion dirahsiakan sedangkan Menteri Kewangan II memberikan jaminan kepada Dewan Rakyat pada Jun 2010 bahawa laporan siasatan forensik jururunding bebas KPMG dan Deloitte akan dikemukakan dalam Dewan Rakyat apabila telah selesai.

33. PR-1233-L39579  
**Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [ Tuaran ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah projek-projek yang telah dan akan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu Sabah meningkatkan pengeluaran padi yang mana setakat ini hanya dalam tahap tiga puluh peratus daripada keperluan tempatan.
34. PR-1233-L39057  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan kejayaan Kementerian dalam mendaftar peruncit- peruncit barangan kawalan seperti gula, tepung dan LPG di sebalik kekangan yang dihadapi daripada Persatuan Peniaga atau Peruncit.
35. PR-1233-L39507  
**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cukai yang diperolehi Kerajaan daripada kutipan tol di setiap lebuh raya dalam negara ini dan apakah tindakan yang diambil oleh Bank Negara mengenai kemungkinan penipuan yang berlaku dalam proses tambah nilai Kad "Touch n Go", dan berapa nilai kerugian setakat ini yang dihadapi melalui kaedah "Kad Touch n Go" ini.
36. PR-1233-L40834  
**Datuk Ir. Ong Tee Keat [ Pandan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini sama ada penyiasatan polis terhadap kes PKFZ telah tamat. Jika sudah, bila ia tamat dan apa tindakan susulannya, Jika belum, mengapa ia mengambil masa yang begitu panjang, walaupun banyak hasil perjumpaan yang terkandung dalam laporan panel siasatan bebas yang ditubuhkan oleh Kementerian Pengangkutan pada 10 Jun 2010 boleh memudahkan penyiasatan polis.
37. PR-1233-L39314  
**Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana FELDA terhindar dari elemen korupsi dan penyelewengan serta benarkah kesusutan tabungnya berada di paras kritikal. Apakah langkah yang diambil bagi membersihkan kembali persepsi buruk terhadapnya sejak mahkamah mendapati ada kepincangan dalam pentadbirannya.

38. PR-1233-L39135

**Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat yang dibina di Terengganu sehingga September 2010 oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) serta nyatakan jumlah duit dana Khas dari Royalti Petroleum Terengganu yang telah digunakan oleh SPNB dari tahun 2000 hingga September 2010 untuk membina rumah di seluruh negara.

39. PR-1233-L40463

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah syarat untuk Kerajaan Persekutuan mengambil alih Sarawak International Medical Centre (SIMC) daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Bilakah SIMC akan berfungsi dan beroperasi dan berapakah peruntukan akan disuntik oleh Kerajaan Persekutuan supaya SIMC akan berfungsi dan beroperasi.

40. PR-1233-L39742

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah pencapaian Kerajaan dalam bidang pengurusan zakat dan wakaf setelah lebih 5 tahun Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ditubuhkan; dan
- (b) apakah status penubuhan International Zakat Organisation dan apakah pencapaian Yayasan Wakaf Malaysia.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010

2. **Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

- \* Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010.

3. **Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air**

- \* Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2010.

4. **Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar**

- \* Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |                                                        |                |                                                                                                                                                                                               |                               |
|--------------------------------------------------------|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 1.                                                     | (D.R. 37/2010) | Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2010                                                                                                                                                      | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| <b>[ Kementerian Kewangan ]</b>                        |                |                                                                                                                                                                                               |                               |
| 2.                                                     | (D.R. 28/2010) | Rang Undang-undang Pemberi Pinjam Wang (Pindaan) 2010 – <b>Menyambung semula Perbaahan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”</b> (14 Oktober 2010) |                               |
| <b>[ Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]</b> |                |                                                                                                                                                                                               |                               |
| 3.                                                     | (D.R. 35/2010) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2010                                                                                                                                          | “                             |
| <b>[ Kementerian Pengangkutan ]</b>                    |                |                                                                                                                                                                                               |                               |
| 4.                                                     | (D.R. 32/2010) | Rang Undang Bank Simpanan Nasional (Pindaan) 2010                                                                                                                                             | “                             |
| <b>[ Kementerian Kewangan ]</b>                        |                |                                                                                                                                                                                               |                               |
| 5.                                                     | (D.R. 31/2010) | Rang Undang-undang Fi (Jabatan Meteorologi Malaysia) (Pengesahan) 2010                                                                                                                        | “                             |
| <b>[ Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ]</b>    |                |                                                                                                                                                                                               |                               |
| 6.                                                     | (D.R. 24/2010) | Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2010                                                                                                                                  | “                             |
| <b>[ Kementerian Kewangan ]</b>                        |                |                                                                                                                                                                                               |                               |
| 7.                                                     | (D.R. 40/2010) | Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2010                                                                                                                    | “                             |
| <b>[ Kementerian Kewangan ]</b>                        |                |                                                                                                                                                                                               |                               |
| 8.                                                     | (D.R. 41/2010) | Rang Undang-undang Agensi Inovasi Malaysia 2010                                                                                                                                               | “                             |
| <b>[ Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ]</b>    |                |                                                                                                                                                                                               |                               |

9. (D.R. 33/2010) Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara 2010 “  
**[ Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ]**
10. (D.R. 34/2010) Rang Undang-undang Juruanalisis Makanan 2010 “  
**[ Kementerian Kesihatan ]**
11. (D.R. 38/2010) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Peluasan) 2010 “  
**[ Kementerian Pengangkutan ]**
12. (D.R. 39/2010) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010 “  
**[ Kementerian Pengangkutan ]**
13. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
14. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “  
**[ Kementerian Kewangan ]**
15. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:  
 "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86 (5) dan keputusan Usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 22 April 2010, maka Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dibentangkan di atas Meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan No. DR 3 Tahun 2010 hendaklah diterima dan dipersetujukan."
16. PR-1233-U39740  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:  
 "Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa masalah kepupusan benih ikan-ikan tempatan (*indigenous fish*) di sungai-sungai di negara ini

telah mencapai tahap kritikal,dan mengambil maklum bahawa masalah ini timbul oleh kerana kerakusan manusia dan juga penangkapan ikan yang berlebihan dengan menggunakan kaedah haram seperti menggunakan tuba dan tenaga elektrik. Kaedah ini bukan sahaja membawa kesan yang buruk kepada ekosistem sungai tadi malah menyebabkan telur dan benih ikan juga terancam. Dan mengambil maklum juga bahawa spesies ikan sungai seperti ‘ikan hantu’ Sungai Sook dan Sungai Padas, ikan pelian dan banyak lagi spesies yang lain menghadapi masalah kepupusan.Juga mengambil maklum bahawa, sistem tagal atau dalam Bahasa Malaysia, sistem larangan yang diperaktikkan di beberapa batang sungai di negeri Sabah telah menunjukkan bahawa kepupusan tadi dapat diatasi. Juga mengambil maklum bahawa sistem tagal ini sekiranya dapat dipanjangkan keseluruhan negara dapat membantu Kerajaan untuk mengatasi masalah kepupusan ini serta menjaga ekosistem sungai di negara ini secara efektif dan rendah kos. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, bahawa Kerajaan hendaklah menyediakan dana khas bagi menujuhkan serta menyelia sistem tagal demi untuk menjamin bahawa ikan spesies tempatan tidak pupus dan pada masa yang sama melindungi ekosistem sungai-sungai di negara ini."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

17. PR-1233-U39758

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini gejala membuang bayi kian berluasa dan menjadi-jadi. Perbuatan ini bukan sahaja menyayat hati, tetapi juga secara langsung menunjukkan keruntuhan moral di kalangan muda-mudi negara ini. Dan mengambil maklum bahawa graf gejala sosial di kalangan muda-mudi negara ini, seperti penagihan dada, lepak, mat rempit, gengsterisme dan tabiat membuli juga kian meningkat dengan mendadak dan menakutkan. Dan mengambil maklum juga bahawa semua permasalahan ini jelas sekali disebabkan oleh penurunan dan keruntuhan moral di kalangan mereka dan antara faktor utama adalah kurangnya penekanan kepada soal pendidikan moral termasuklah pendedahan pendidikan seks. Juga mengambil maklum bahawa banyak badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan keagamaan serta pertubuhan sosial menyediakan perkhidmatan kaunseling dan pendidikan moral serta tempat perlindungan bagi kanak-kanak yang ditinggalkan dan ibu tunggal misalnya pihak gereja menyediakan kelas hujung minggu untuk pendidikan moral bagi muda mudi. Serta mengambil maklum juga bahawa badan-badan bukan Kerajaan yang dimaksudkan tadi mempunyai dana yang terhad oleh itu aktiviti mereka agak terbatas kepada dana yang ada. Ini membantutkan usaha mereka dalam membantu Kerajaan untuk menangani masalah yang dimaksudkan di atas. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil

ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dan kementerian yang berkaitan untuk menyediakan dana wajib bagi badan-badan bukan Kerajaan tadi agar mereka mempunyai dana yang cukup untuk menjalankan aktiviti mereka, untuk membantu usaha Kerajaan dalam membentuk masyarakat Malaysia yang bermoral dan beretika."

**(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)**

18. PR-1233-U39775

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa bermula pada tahun ini, 2010 negara kita akan merayakan Hari Malaysia pada 16 September pada setiap tahun. Dan mengambil maklum bahawa peranan perayaan Hari Malaysia ini amat bermakna bagi seluruh rakyat Malaysia yang datang dari berbilang kaum dan agama, terutama sekali di kalangan rakyat negeri Sabah dan Sarawak. Dan mengambil maklum juga bahawa Hari Malaysia juga merupakan satu tarikh yang amat bersejarah di mana negara Malaysia dilahirkan. Juga mengambil maklum bahawa negeri-negeri di seluruh Malaysia ini memiliki simbol alam semula jadi seperti gunung Kinabalu, Gua Mulu, orang utan, badak sumbu, bunga rafflesia dan banyak lagi khazanah alam semula jadi yang boleh dijadikan simbol semula jadi dalam mana-mana publikasi Kerajaan dan bahan-bahan promosi negara. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, bahawa sejajar dengan Konsep 1Malaysia semua simbol alam semula jadi dari seluruh negeri-negeri di dalam Malaysia di masukan dalam publikasi Kerajaan sama ada bagi tujuan promosi atau pun rujukan agar seluruh negeri-negeri merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada negara ini apabila melihat publikasi ini kelak."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

19. PR-1233-U39784

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sesungguhnya merupakan satu konsep dan slogan yang amat mulia dan penuh dengan keprihatinan kepada setiap lapisan penduduk negara ini. Dan mengambil maklum bahawa Konsep 1Malaysia juga memberikan ruang dan keyakinan kepada setiap lapisan penduduk negara ini bahawa Kerajaan pimpinan Y.A.B. Perdana Menteri merupakan Kerajaan yang komited untuk memperjuangkan nasib rakyat serta memberikan peluang yang sama rata

kepada seluruh lapisan rakyatnya sesuai dengan peruntukan perundangan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa Konsep 1Malaysia merupakan landasan yang tepat bagi penyatuan negara bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Juga mengambil maklum bahawa walaupun negara telah mencapai banyak pertumbuhan ekonomi dan fizikal yang memberangsangkan namun masih banyak lagi rakyat di negara ini yang tercicir atau tertinggal dari arus pembangunan ini, misalnya Orang Asli, Penan, Dusun dan lain-lain lagi. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti isu pemilikan tanah, pegangan ekuiti dalam GLCs, peluang pekerjaan, biasiswa dan lain-lain lagi. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bahawa sejajar dengan Konsep 1Malaysia satu dana khas hendaklah diberikan bagi masyarakat yang dimaksudkan tadi agar isu penyukatan / pemilikan tanah, pemilikan ekuiti, biasiswa, pekerjaan dan sebagainya dapat diatasi, bagi memberikan kumpulan sasar ini untuk sama-sama menikmati arus pembangunan negara."

**(Perdana Menteri)**

20. PR-1233-U40195

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan dasar *privacy* yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat. Dewan ini juga memperbincangkan cara-cara untuk memperlindungkan *privacy* di zaman teknologi maklumat."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

21. PR-1233-U40197

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini memandang berat isu-isu sensitif perkauman dan agama terus dibangkitkan di negara ini. Dewan juga akan membahaskan langkah-langkah yang diambil atau tidak diambil oleh Kerajaan Pusat terhadap isu-isu tersebut."

**(Perdana Menteri)**

22. PR-1233-U40048

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

23. PR-1233-U40049

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

**(Perdana Menteri)**

24. PR-1233-U40050

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan Y.A.B. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**(Menteri Dalam Negeri)**

25. PR-1233-U40922

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan mengambil tindakan yang serius mengenai kehadiran orang-orang asing ke negara kita khasnya di Sabah yang telah mendapat dokumen kad pengenalan, pasport dan IMM13 seperti mana yang dibuktikan oleh pihak tahanan Akta ISA dan dipecat dari perkhidmatan di Jabatan Pendaftaran Sabah sebagai hukuman sejak tahun 1970 sehingga sekarang. Kehadiran orang-orang asing ini yang menyamar sebagai rakyat Malaysia di Sabah telah banyak menimbulkan masalah dan sesungguhnya mengugat keselamatan negara dan keharmonian rakyat tempatan."

**(Menteri Dalam Negeri)**

26. PR-1233-U40931

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini memandang serius dengan kenaikan harga semua barang keperluan asas dan harian bagi semua rakyat Malaysia. Contohnya, dengan kenaikan harga bahan minyak petrol / diesel pada bulan Jun 2008, maka harga barang juga turut melambung tinggi. Bila Kerajaan mengurangkan dan memulihkan harga minyak bahan bakar itu pada bulan September 2008, harga barang keperluan harian kekal tidak berubah. Malahan ada barang yang dinaikkan harga akibat daripada pengurangan subsidi Kerajaan untuk bahan bakar ini yang ternyata membebankan rakyat terutama sekali rakyat miskin khasnya di Sabah yang diiktiraf termiskin dalam Malaysia oleh Kerajaan sedangkan subsidi TOL di Semenanjung tidak berubah walaupun rakyat di Sabah tidak berpeluang mendapatkan faedah sebegini, juga di mana rakyat miskin di seluruh negara yang tidak berkemampuan untuk memiliki kenderaan tidak mendapat manfaat perkhidmatan TOL jalan raya tersebut."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

27. PR-1233-U40952

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini memandang serius mengenai kedudukan persempadanan maritim negara kita agar perairan kita tidak dicerobohi dan dibolosi oleh orang asing atau kerajaan yang berjiran dengan negara kita. Contohnya, perjanjian di antara negara kita dengan Brunei berkaitan dengan Blok L dan M di mana persetujuan hanya melibatkan ketua pemerintah kedua-dua negara tanpa diperjelaskan dan diperakui oleh Dewan Yang Mulia ini. Tanpa perjanjian sempadan maritim yang jelas dan dicatat dalam peta perairan maritim akan menggugatkan keselamatan, pengangkutan serta hasil sumber semula jadi negara kita."

**(Menteri Luar Negeri)**

28. PR-1233-U39789

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini menyokong bagi menjadikan sebahagian tapak bekas Penjara Pudu dijadikan tapak warisan bagi tatapan generasi akan datang dan sebagai destinasi pelancong asing."

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

29. PR-1233-U39791

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mendesak pilihan raya kerajaan tempatan dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam kerajaan tempatan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

30. PR-1233-U39451

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri untuk mengkaji semula keseluruhan Akta Penapisan Filem terutamanya Seksyen 6 Akta Penapisan Filem 2002 dan menggubal / mengubah akta tersebut kerana tidak boleh diguna pakai pada masa moden ini."

**(Menteri Dalam Negeri)**

31. PR-1233-U39453

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Pelajaran untuk mengadakan kelas pengajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di setiap sekolah kebangsaan mahupun sekolah rendah atau menengah sebagai satu mata pelajaran pilihan kepada semua murid dan pelajar di Malaysia."

**(Menteri Pelajaran)**

32. PR-1233-U39456

**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Pelajaran untuk meneliti serta relokasi sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil yang berada di kawasan perladangan dan perkampungan ke kawasan yang bersesuaian dengan desa dan bandar. Ini adalah kerana kebanyakannya penduduk di kawasan ladang dan kampung telah berpindah ke kawasan bandar. Justeru itu, permintaan pembelajaran bahasa Tamil di kawasan desa dan bandar semakin meningkat."

**(Menteri Pelajaran)**

33. PR-1233-U40895

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengkaji semula program landskap supaya penanaman pokok buah-buahan menggantikan pokok yang tidak memberi manfaat dan tidak menghasilkan buah untuk dimakan."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

34. PR-1233-U40897

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengkaji semula kemudahan laluan-laluan dalam usaha penjimatan masa dan juga petrol bagi membantu pengguna."

**(Menteri Kerja Raya)**

35. PR-1233-U40900

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengkaji semula papan tanda penunjuk jalan oleh SILK yang mengelirukan pengguna ke Kajang."

**(Menteri Kerja Raya)**

36. PR-1233-U40905

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini dapat menyediakan laluan pusing semula (*U turn*) sebelum rumah TOL bagi keperluan pengguna yang tersalah hala laluan oleh pemegang konsesi lebuh raya."

**(Menteri Kerja Raya)**

37. PR-1233-U40908

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini menyediakan garis panduan dalam membuat *calvet* di parit-parit sisi jalan oleh penduduk dalam usaha mengelakkan dari banjir kilat berlaku."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

38. PR-1233-U40788

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi pengiktirafan diplomatik dan politik kepada kerajaan Palestin yang dibentuk oleh Hamas. Ini adalah kerana kerajaan Hamas tersebut telah memenangi pilihan raya umum yang diadakan mengikut lunas-lunas demokrasi dan diiktiraf sebagai salah satu pilihan raya yang terbaik mengikut prinsip demokrasi. Selanjutnya Dewan ini membuat ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberikan tawaran kepada kerajaan Hamas Palestin membuka sebuah kedutaan, konsul atau pejabat perwakilan yang diberi taraf diplomat di Kuala Lumpur."

**(Menteri Luar Negeri)**

39. PR-1233-U40789

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengutuk tindakan rejim Israel la'natullah yang menyerang dan memusnahkan Dewan Parlimen Palestin yang bertempat di Semenanjung Gaza dan hendaklah rejim itu dipertanggungjawabkan dan membayar kos pembinaan semula Dewan Parlimen tersebut, dan penjenayah-penjenayah ini dibawa ke muka pengadilan untuk dibicarakan dan dikenakan hukuman yang setimpal; Selanjutnya Dewan ini membuat ketetapan mendesak Kerajaan supaya menuntut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan supaya mengarahkan rejim Israel la'natullah membenarkan persidangan Dewan Parlimen Palestin boleh dilangsungkan tanpa sebarang gangguan termasuk membebaskan semua Ahli Parlimen yang ditahan secara salah, dan membenarkan perjalanan menghadiri sidang Parlimen kepada semua Ahli Parlimen termasuk Speaker dan lain-lain tanpa sebarang gangguan atau halangan."

**(Menteri Luar Negeri)**

40. PR-1233-U40791

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Kerajaan supaya membawa suatu usul ke Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan atau Majlis Keselamatan sama ada melalui Malaysia secara bersendirian atau melalui Pertubuhan Negara-Negara Islam untuk mendesak supaya kawasan Jerusalem, Baitul Maqdis dan Masjid Al Aqsa diserahkan semula kepada Kerajaan Palestin yang sah, dan sementara menunggu proses pembentukan Kerajaan Palestin yang sah lagi merdeka, kawasan-kawasan tersebut diletakkan di bawah penyeliaan dan pemantauan sebuah badan antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan tentera pengaman terdiri dari wakil semua agama samawi Islam, Kristian & Yahudi serta negara-negara yang akan ditetapkan kelak dengan memastikan ada wakil daripada negara-negara Islam di dalam badan antarabangsa tersebut.”

**(Menteri Luar Negeri)**

41. PR-1233-U40792

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa *caucus* khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘Jawatankuasa Caucus Bagi Palestin’ dan selanjutnya Dewan ini mendesak kerajaan Mesir supaya membuka semula pintu Rafah dan memberi kebebasan keluar/ masuk kepada rakyat Palestin dan tidak menghalang sebarang usaha-usaha bantuan kemanusiaan oleh mana-mana pihak; dan juga mendesak rejim Zionis Israel supaya segera mengembalikan hak rakyat Palestin dan mengiktiraf negara Islam Palestin sebagai negara yang merdeka dan berdaulat dan Baitulmuqaddis sebagai ibu negeri negara Islam Palestin.”

**(Menteri Luar Negeri)**

42. PR-1233-U40793

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya diraja untuk menyiasat kenyataan bekas Ketua Polis Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Musa bin Hassan mengenai wujudnya campur tangan pihak ketiga, termasuk Kementerian Dalam Negeri, dalam urusan kepolisian negara ini. Dewan ini menginsafi bahawa kenyataan yang datangnya dari orang nombor satu pasukan Polis Diraja Malaysia itu

adalah sangat serius dan perlu diberi perhatian demi untuk menjaga martabat dan maruah pasukan PDRM.”

**(Perdana Menteri)**

43. PR-1233-U40796

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas dan serius termasuk mengenakan pertuduhan jenayah di atas kegiatan membangkitkan sikap anti perkauman dan hasutan yang dilakukan oleh satu anasir bernama Wee Chee Meng @ Namewee yang jelas bersikap biadab dan kurang ajar terhadap bangsa Melayu dan menggunakan kata-kata kesat dan biadab dan di luar ketamadunan kemanusiaan dalam laman blognya; Dewan ini menginsafi bahawa penama Namewee ini juga adalah anasir yang sama yang menghina negara dengan mempermainkan Lagu Kebangsaan “Negaraku” dengan menukarinya kepada “Negarakuku” dengan lirik yang biadab dan kurang ajar. Ternyata sikap kemaafan yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia terhadap sikap biadab dan kurang ajar beliau tidak dihargai langsung; malahan kelihatan beliau mengambil kesempatan daripada sikap itu; Oleh itu, Dewan menginsafi bahawa untuk memelihara keharmonian kaum dan perpaduan yang telah sekian lama dipupuk dan dibina, tindakan tegas perlu diambil terhadap beliau sebagai mesej bahawa negara ini tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana anasir yang cuba menggugat dan merosakkan hubungan antara kaum dan agama yang sedia ada.”

**(Menteri Dalam Negeri)**

44. PR-1233-U40797

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mengutuk tindakan media TV3 menerbit dan menyiaran iklan Senarai Lebaran yang jelas menghina Islam dengan unsur-unsur kufur, syirik dan mungkar dengan menggabungkan unsur dan elemen Kristianiti, Buddhism, Hinduism dan lain-lain kemungkaran di dalam iklan yang menyentuh suatu ibadah umat Islam iaitu sambutan ‘Eidulfitri; Walaupun Dewan menyedari bahawa suatu permintaan maaf telah dibuat dan iklan tersebut telah ditarik balik, namun sebagai suatu mesej bahawa Dewan ini tidak bertolak ansur dengan elemen-elemen yang menghina agama, maka Dewan mendesak tindakan tegas diambil terhadap TV3, syarikat Media Prima Sdn. Bhd, termasuk pihak pengurusan, penerbit, editor, pembikinan dan mereka yang bertanggungjawab menyebabkan iklan tersebut disiarkan di TV3.”

**(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)**

45. PR-1233-U40799

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran Tun secara *post-humous* (dengan izin) kepada Allahyarham Sheikh Muhammad Idris Al Marbawi yang telah banyak berjasa kepada dunia Islam dari segi ilmu, penulisan, penerbitan, dakwah dan lain-lain.”

**(Perdana Menteri)**

46. PR-1233-U40801

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada Kerajaan supaya menyiasat mengapakah Kapten (B) Mukhtiar Singh dinafikan menerima pencen sedangkan beliau telah banyak berjasa dan berkorban nyawa menjaga keselamatan negara seperti yang dilaporkan di dalam akhbar *The Star* bertarikh 18.09.2010; Dan selanjutnya Dewan menginsafi bahawa sebagai alternatif, Kerajaan hendaklah memberikan anugerah Pingat Gagah Berani kepada Kapten Mukhtiar Singh untuk membolehkan beliau menerima elaun bulanan yang ditetapkan.”

**(Menteri Pertahanan)**

47. PR-1233-U40802

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada DYMM YDP Agong, DYMM Ke Bawah Duli Sultan-Sultan, Majlis Raja-Raja, Y.A.B. Perdana Menteri, Y.A.B. Menteri-Menteri Besar dan Kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri supaya melakukan semakan semula senarai penerima anugerah kebesaran Persekutuan atau negeri dengan tujuan untuk dilakukan pembersihan termasuk menarik balik dan / atau membatalkan anugerah dan gelaran yang diberi kepada mereka yang telah dan / atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah dan yang didaftarkan di Pusat Pendaftaran Penjenayah (*Criminal Registration Center*); Selanjutnya Dewan ini membuat ketetapan mendesak supaya satu garis panduan yang jelas dikeluarkan bagi memastikan penerima-penerima anugerah yang akan datang terutamanya anugerah yang membawa gelaran seperti Datuk, Dato’, Dato’ Seri, Tan Sri, Tun dan lain-lain terdiri daripada mereka yang benar-benar berkelayakan menerimanya; Selanjutnya Dewan ini membuat ketetapan agar satu pangkalan data (*database*) rasmi Kerajaan diwujudkan untuk

memastikan senarai kesemua penerima anugerah bergelar ini khususnya boleh disemak oleh orang ramai untuk mengelakkan kegiatan penipuan dan penyelewengan darjah kebesaran bergelar ini; Selanjutnya Dewan ini membuat ketetapan mendesak supaya Kerajaan menyenaraikan senarai anugerah kebesaran yang boleh diguna pakai gelarannya di negara ini untuk mengelak kekeliruan penggunaan gelaran kebesaran ini kepada mereka yang menerima anugerah daripada luar negara.”

**(Perdana Menteri)**

48. PR-1233-U40804

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya satu kajian dibuat dengan tujuan menggubal undang-undang yang bersesuaian untuk memansuhkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil bagi kerusi yang kosong atau dikosongkan oleh mana-mana wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri termasuk kemungkinan memberikan kerusi yang kosong atau dikosongkan itu kepada parti yang telah memenanginya semasa pilihan raya umum untuk menentukan calon yang mengganti dan / atau mengisi kekosongan tersebut. Ini sekali gus dapat mengelakkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil yang melibatkan kos yang tinggi dan menyebabkan masyarakat Malaysia terlibat dengan kegiatan politik tanpa kesudahan.”

**(Perdana Menteri)**

49. PR-1233-U40805

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya undang-undang yang berkaitan dipinda untuk memberi pilihan dan opsyen kepada mana-mana individu beragama Islam yang dikenakan sebarang pertuduhan jenayah untuk memilih forum perbicaraan di mahkamah syariah yang berbidang kuasa berdasarkan peruntukkan undang-undang yang ada di mana-mana akta atau enakmen syariah seperti pertuduhan liwat dan lain-lain. Ini adalah kerana seorang Muslim berhak untuk dibicarakan menurut undang-undang Islam demi menjaga aqidah dan syariat seseorang Muslim itu.”

**(Perdana Menteri)**

50. PR-1233-U40806

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak supaya mahkamah sekular yang diwujudkan menurut Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan menghormati dan tidak mencampuri hak dan bidang kuasa mahkamah syariah yang diperuntukkan menurut Artikel 121 (1A) Perlembagaan termasuk hak dan bidang kuasa mutlak menentukan siapa yang boleh diterima masuk dan didaftarkan sebagai seorang peguam syarie. Ini adalah kerana kalau mahkamah sekular tersebut boleh mencampuri urusan hak dan bidang kuasa mahkamah syariah dalam penentuan kemasukan dan pendaftaran peguam syarie ke mahkamah syariah, apakah itu bermakna mahkamah syariah boleh mencampuri urusan hak dan bidang kuasa mahkamah sekular untuk penentuan kemasukan dan pendaftaran seseorang peguam sekular di mahkamah sekular."

**(Perdana Menteri)**

51. PR-1233-U40807

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya meminda Akta Mahkamah Keadilan 1964 (*Courts of Judicature Act 1964*) (Akta 91) dengan memasukkan peruntukkan baru di Seksyen 4 seperti berikut: "Seksyen 4A: Di dalam keadaan di mana terdapat isu dan / atau pertikaian membabitkan dan atau melibatkan agama Islam dari segi aqidah, kepercayaan, hukum-hakam, syariat dan / atau apa juga persoalan mengenai Islam, maka mahkamah wajiblah merujuk isu, persoalan dan / atau pertikaian itu kepada mahkamah syariah untuk suatu keputusan atau penghakiman; dan semua prosiding hendaklah ditangguhkan sehingga keputusan atau penghakiman mahkamah syariah itu dibuat, dan keputusan atau penghakiman mahkamah syariah bagi isu, persoalan dan / atau pertikaian itu hendaklah mengikat mahkamah tersebut". Bahawa Dewan menginsafi masalah membabitkan isu, pertikaian atau persoalan mengenai Islam jika diputuskan di mahkamah sekular berdasarkan undang-undang sivil boleh mencetuskan salah faham dan kekeliruan. Ini berlaku kerana isu dan persoalan membabitkan kefahaman terhadap undang-undang dan syariat Islam dalam konteks syariah dan Islam tidak difahami, dihayati dan diinsafi oleh mahkamah sekular yang membicara dan memutuskan sesuatu isu tersebut menurut peruntukkan undang-undang sivil yang terbatas dan terhad kepada pembicaraan soal perundangan sekular semata-mata, malahan menolak untuk menerima pakai kefahaman syarie dan Islam. Sebenarnya inilah yang telah berlaku di dalam kes Maria Hertogh @ Nadrah pada tahun 1950 apabila Mahkamah Sivil Singapura yang mengguna pakai undang-undang sivil British menolak untuk

menerima pakai undang-undang Islam dan syariatnya dengan menolak aqidah dan kelslaman Nadrah dan perkahwinan Nadrah dengan Almarhum Mansor Adabi yang mana menurut undang-undang Islam dan hukum syarak kelslaman dan perkahwinan Nadrah adalah sah kerana beliau sudah aqil baligh mengikut hukum syarak dan merupakan seorang mukallaf dan hukum taklif berlaku kepada beliau. Begitu juga di dalam beberapa kes di mana Islam melihat sesuatu isu itu dari segi aqidah, tetapi mahkamah sekular melihatnya dari sudut istilah dan perundangan sivil. Sekiranya peruntukan seperti yang dicadangkan di atas wujud, maka Dewan menginsafi bahawa isu ini akan dapat diselesaikan dengan baik menurut peruntukan undang-undang yang terpakai bagi isu tersebut."

**(Perdana Menteri)**

52. PR-1233-U40810

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah segera untuk mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Malaysia bukan negara sekular seperti India sebaliknya sebuah negara yang mengamalkan dwi-sistem (sistem perundangan *hybrid*) iaitu dengan meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): '**Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'. Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa keputusan Mahkamah di dalam kes Che Omar Che Soh v. Pendakwa Raya dan Jamaluddin Osman v. Menteri Dalam Negeri telah banyak diputar belit dan disalah tafsir oleh golongan tertentu untuk memberi gambaran kononnya Malaysia adalah negara sekular sedangkan hakikatnya Malaysia bukanlah negara sekular sebaliknya negara yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka dengan pindaan kepada Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan akan memperjelaskan perihal kedudukan status negara ini tanpa sebarang keraguan lagi."

**(Perdana Menteri)**

53. PR-1233-U40812

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): '**Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, kecuali undang-undang dan syariat Islam, apa-apa undang-undang**

**yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syarak hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu'.** Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa banyak keadaan di mana hukum syarak dan syariat Islam telah terbatal dan atau tidak dapat dilaksanakan kerana Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan ini yang meletakkan undang-undang negara mengatasi semua undang-undang dan peraturan lain termasuk undang-undang serta syariat Islam seperti pengharaman pemakaian serban di sekolah-sekolah kebangsaan, pemakaian purdah dan jilbab di jabatan-jabatan Kerajaan, perlaksanaan undang-undang syarak seperti khalwat, zina, qazaf yang bercanggah dengan hukum syarak dan lain-lain."

**(Perdana Menteri)**

54. PR-1233-U40813

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): '**Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam.** Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh mahkamah syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya". Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun mahkamah persekutuan di dalam beberapa kes termasuk Azlina Jailani @ Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan bahawa dalam hal ehwal dan permasalahan kemasukan atau kemurtadan daripada Islam hanya mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa dan mahkamah sekular tidak boleh mempunyai apa-apa bidang kuasa menurut Artikel 121 (1A), namun masih lagi ada pihak yang mempertikaikan dan membawa kes seumpama ini ke mahkamah sekular di mana dalam kes melibatkan seorang Punjabi Muslim mayatnya terlantar di Hospital Sg. Buloh, Selangor selama sebulan kerana mahkamah sivil masih mahu mendengar kes-kes seumpama ini, sedangkan merupakan fadhu kifayah ke atas umat Islam untuk menyegerakan pengurusan dan pengkebumian jenazah mana-mana orang Islam yang telah meninggal dunia. Dengan adanya peruntukan seumpama di atas maka isu seperti ini tidak akan berbangkit lagi."

**(Perdana Menteri)**

55. PR-1233-U40814

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut: '**...tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan...**' dan diganti dengan perkataan berikut; '**dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syarak dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan / atau perintah yang dikeluarkannya**'. Dan proviso kepada Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas dan hendaklah berbunyi seperti berikut: "**Mahkamah syariah tersebut hendaklah mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syarak dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan / atau perintah yang dikeluarkannya**". Bahawa Dewan ini mengambil maklum umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam termasuk undang-undang jenayahnya seperti hudud, qisas dan ta'zir tanpa sebarang pengubahsuaian dan pindaan seperti yang berlaku sekarang dan dewan mengambil maklum bahawa kegagalan melaksanakan sistem perundangan Islam sepenuhnya ini akan boleh membantalkan aqidah umat Islam."

**(Perdana Menteri)**

56. PR-1233-U40816

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menujuhkan sebuah jawatankuasa khas kabinet dengan segera khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah bersepada dan berkesan berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dan penganut agama Hindu

dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan hal masalah peribadatan mereka termasuk penyelenggaraan dan pengurusan kuil-kuil mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Hal Ehwal Masyarakat India” dengan melantik Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri sebagai pengurus jawatankuasa khas tersebut.”

**(Perdana Menteri)**

57. PR-1233-U40817

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta menubuahkan sebuah Majlis Buku Negara dengan peruntukan yang mencukupi dan segera menggubal Dasar Buku Negara dan Akta Buku serta mengambil semua langkah yang munasabah dan praktikal untuk membantu, menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri buku negara. Selanjutnya Dewan juga membuat ketetapan supaya Dasar Buku Negara seperti yang telah dimaktubkan segera dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Buku Negara tersebut.”

**(Menteri Pelajaran)**

58. PR-1233-U40818

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan / atau halangan. Ini adalah kerana sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang dimaktubkan oleh Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, maka adalah penting untuk syiar Islam dimartabatkan.”

**(Perdana Menteri)**

59. PR-1233-U40819

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah

dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh) tahun dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah di tolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta.”

**(Menteri Dalam Negeri)**

60. PR-1233-U40820

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia Airline, AirAsia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutama pramugari yang beragama Islam pilihan untuk memakai pakaian / pakaian seragam yang mematuhi hukum syarak".

**(Menteri Pengangkutan)**

61. PR-1233-U40823

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan."

**(Menteri Pengangkutan)**

62. PR-1233-U40824

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan hanya membenarkan penjualan arak, minuman keras dan yang memabukkan dalam apa bentuk sekalipun hanya di premis-premis khas yang dilesenkan dan hanya khusus untuk masyarakat bukan Islam sahaja; sebagaimana premis khas untuk penjualan nombor ekor, tempat perjudian dan daging khinzir dan lain-lain; dan tidak melesenkan kedai-kedai runcit atau serbaneka daripada menjual arak dan / atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan di premisnya. Dewan ini mengambil maklum banyak kes terjadi di mana remaja dan belia beragama Islam yang menyalahgunakan penjualan arak dan minuman beralkohol serta kemudahan kondom di kedai-kedai serbaneka ini untuk kegiatan tidak

berakhlak dan bermoral, yang akhirnya membawa kepada timbulnya gejala sosial yang serius seperti kegiatan merempit yang melampau, perzinaan, perogolan dan kesalahan seksual dan kes pembuangan bayi."

**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)**

63. PR-1233-U40825

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat Kastari dan jika pihak kerajaan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah mahkamah sivil yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa menahan mana-mana individu tanpa perbicaraan dan hak membela diri adalah bercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Islam; apatah lagi terdapat undang-undang lain yang mencukupi untuk menangani permasalahan perundangan yang ada bagi hal-hal yang menjelaskan keselamatan, keamanan dan ketenteraman negara."

**(Menteri Dalam Negeri)**

64. PR-1233-U40826

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jamek Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkuatkkan bumbung masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini."

**(Perdana Menteri)**

65. PR-1233-U40828

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia supaya mengeluarkan larangan terhadap mana-mana pembantu rumah asing yang beragama Islam daripada bekerja dengan mana-mana majikan yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana terdapat banyak aduan pembantu-pembantu rumah asing yang beragama Islam yang dipaksa memakai pakaian bercanggah dengan Islam seperti berseluar pendek, memakan makanan dan minuman yang haram seperti babi dan arak, serta dipaksa memandik dan membela anjing dan tinggal di persekitaran dan suasana yang jelas bercanggah dan / atau tidak bersesuaian dengan seorang Muslim, dan Dewan menginsafi banyak kejadian dera sama ada fizikal dan mental, termasuk pencabulan dan rogol berlaku ke atas pembantu-pembantu rumah beragama Islam ini khususnya daripada Indonesia semasa berkhidmat dengan majikan bukan Islam ini."

**(Menteri Dalam Negeri/Menteri Sumber Manusia)**

66. PR-1233-U40830

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membernarkan pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan mengerjakan ibadah haji bagi diri mereka dan keluarga terdekat sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka walaupun belum mencapai umur persaraan 55 tahun; Selanjutnya Dewan juga mengambil ketetapan mendesak Kementerian Kewangan supaya segera mengambil langkah memansuhkan Seksyen 167 Akta Insurans dan Peraturan 6 Peraturan KWSP 2001 yang banyak menimbulkan masalah dan disalahgunakan oleh penama yang dinamakan sebagai benefisiari kerana banyak kes di mana penama apabila menerima wang caruman daripada KWSP telah tidak membahagikan wang tersebut menurut syarak dan hukum faraid; atau sebagai alternatif mengenakan syarat kepada pengurusan KWSP supaya wang caruman si mati tidak dibayar kepada penama kecuali mereka telah mengemukakan sijil faraid daripada mahkamah syariah dan pembayaran dibuat oleh KWSP terus kepada waris-waris yang dinamakan di dalam sijil faraid yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah yang berbidang kuasa tersebut."

**(Menteri Kewangan)**

67. PR-1233-U40832

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya mengwujudkan kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mengambil hanya pelatih wanita sahaja sebagai pilihan bagi mereka dan ibu bapa yang mahukan anak perempuan mereka diasingkan kerana terlalu banyak aduan pelatih-pelatih wanita yang melalui pengalaman diganggu oleh sama ada pelatih atau petugas lelaki sehingga ada yang ke peringkat mencabul, mendera dan merogol; ramai ibu bapa yang mengadu anak perempuan mereka yang apabila kembali daripada PLKN berubah menjadi terlalu terbuka dalam pergaulan dan perhubungan dengan lelaki walaupun sebelum ke PLKN anak-anak mereka sangatlah bersopan dan menjaga akhlak dan batasan pergaulan dengan lelaki; Selanjutnya Dewan mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya menerapkan dalam *syllabus* latihan kepada pelatih-pelatih beragama Islam modul nilai Islam seperti mewajibkan solat jemaah pada tiap waktu solat fardu, qiamullail dan tahajjud, dan melatih mereka supaya mengimarahkan masjid dengan selalu mengadakan program qiamullail di mana-mana masjid berhampiran kem PLKN, yang mana ini akan bukan sahaja menjalinkan ukhuwah dan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling, ianya juga akan memperkuuh dan memperkuatkan aspek spiritual dan kerohanian pelatih-pelatih PLKN."

**(Menteri Pertahanan)**

68. PR-1233-U40833

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri Pengangkutan supaya diadakan koc-koc dan gerabak-gerabak khas di perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR dan PUTRA) bagi "Wanita Sahaja"; ini adalah untuk memberi pilihan kepada penumpang wanita membuat pilihan untuk menaiki koc dan gerabak khas untuk wanita sahaja termasuk bagi koc berkatil kerana banyak aduan diterima di mana penumpang wanita di perkhidmatan LRT mengadu mereka diraba, dicabul dan diganggu dengan gangguan seksual semasa menggunakan perkhidmatan ini terutama di waktu puncak. Oleh itu untuk keselesaan dan keselamatan penumpang wanita, Dewan mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya segera mengkaji dengan tujuan melaksanakan skim koc dan gerabak "Khas Untuk Wanita Sahaja" bagi Perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR dan PUTRA) sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad."

**(Menteri Pengangkutan)**

69. PR-1233-U40835

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengkaji kepada keperluan mewujudkan sebuah pusat tahanan, penjara dan / atau tempat pelaksanaan hukuman bagi mereka yang disabit dan dijatuhkan hukuman oleh mana-mana mahkamah syariah yang berbidang kuasa memandangkan tiadanya pusat tahanan penjara dan / atau tempat pelaksanaan hukuman bagi pesalah-pesalah syarie seperti yang kita persaksikan dalam kes Kartika Sari Dewi Syukarno baru-baru ini. Dewan mengambil perhatian bahawa pelaksanaan hukuman bagi pesalah syarie adalah sangat berbeza dari tujuan, matlamat dan bentuk hukuman bagi pesalah syarie berbanding dengan pesalah di mahkamah sivil."

**(Menteri Dalam Negeri)**

70. PR-1233-U40365

**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan untuk menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan yang mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian jet Sukhoi dan kapal selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

**(Menteri Pertahanan)**

71. PR-1233-U39438

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB. Perdana Menteri, Y.A.B. Menteri-Menteri Besar dan Kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri supaya peruntukan dan kuasa-kuasa di bawah Kanun Tanah Negara (*National Land Code*) dikaji semula dan ditambah baik untuk mengelakkan kampung-kampung Melayu dari pupus dari muka bumi Malaysia kita. Dewan ini menetapkan bahawa kampung-kampung tradisional orang Melayu, terutamanya di negeri Pulau Pinang, harus dilindungi dan dipertahankan sebagai warisan bangsa dan tidak

harus dikorbankan demi pembangunan yang rakus dan yang tidak mengambil kira kepentingan sosial penduduk yang telah menetap di kampung-kampung tradisional seperti perkampungan nelayan selama lebih tiga generasi. Dewan ini juga mendesak agar Kanun Tanah Negara dipinda untuk menghalang pemaju projek pembangunan daripada menghalau penduduk yang telah lama menetap di sesuatu kampung tradisional tanpa merujuk dan memperoleh kebenaran daripada kerajaan negeri (yang berkuasa dalam urus tadbir tanah)."

**(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)**

72. PR-1233-U39439

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Y.B. Menteri Luar Negeri serta Y.B. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya agar Malaysia segera menandatangani atau (dengan izin) *ratify The 1959 Treaty on Antarctica*. Dewan juga menyedari kepentingan jangka panjang *The Treaty on Antarctica* untuk negara dalam penyelidikan sains, terutamanya bidang perubatan dan perubahan cuaca, serta hubungan antarabangsa dalam soal keselamatan sejagat."

**(Menteri Luar Negeri)**

73. PR-1233-U39442

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Menteri Kewangan untuk memperhalusi Resolusi 31 perkara yang diluluskan Kongres Ekonomi Bumiputera dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya agar kepentingan kaum Bumiputera tidak tenggelam dalam arus globalisasi dan liberalisme. Dewan mendesak Y.A.B. Perdana Menteri mengambil langkah-langkah sewajarnya agar perkara-perkara berkenaan kepentingan Bumiputera yang termaktub jelas di dalam Perlembagaan tidak diperkotak-katikkan oleh mana-mana pihak."

**(Menteri Kewangan)**

74. PR-1233-U39445

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Y.A.B. Menteri Kewangan agar membuat kajian yang lebih menyeluruh berkenaan cadangan pengurangan subsidi Kerajaan.

Dewan menyedari rasional pendekatan Kerajaan namun kesan pengurangan subsidi ke atas golongan berpendapatan rendah dan sederhana harus diperhalusi agar mereka tidak menjadi mangsa keadaan."

**(Menteri Kewangan)**

75. PR-1233-U39447

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Y.A.B. Menteri Kewangan mengambil langkah-langkah yang perlu ke atas Lembaga Pengarah dan Pengerusi Sime Darby Berhad yang nyata telah gagal dalam tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kerajaan. Dewan berpendirian bahawa keseluruhan anggota lembaga pengarah termasuk pengerusi harus dipecat berikutan kerugian terkumpul mencecah RM1.7 bilion baru-baru ini (hanya dari tiga projek) berpunca dari salah urus tadbir serius syarikat terulung negara tersebut."

**(Menteri Kewangan)**

76. PR-1233-U39450

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Y.B. Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dengan kadar yang segera supaya pihak Polis Diraja Malaysia dapat menjalankan siasatan terperinci ke atas semua laporan jenayah, pecah amanah dan salah laku terhadap peguam-peguam di dalam negara. Dewan ini mendesak Y.B. Menteri Dalam Negeri mengambil tindakan tegas terhadap Majlis Peguam jika badan itu didapati melindungi salah laku peguam-peguam yang berpengaruh."

**(Menteri Dalam Negeri)**

77. PR-1233-U39452

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Y.B. Menteri Dalam Negeri mengambil langkah drastik dengan kadar yang segera untuk menghapuskan Kumpulan-kumpulan kongsi gelap di dalam negara. Selanjutnya Dewan mendesak agar Y.B. Menteri Dalam Negeri menjalankan kajian berhubung persepsi rakyat akan penglibatan anggota kongsi gelap dalam kegiatan jenayah berat dan kegiatan-kegiatan lain seperti perjudian, ceti haram dan pelacuran."

**(Menteri Dalam Negeri)**

78. PR-1233-U39454

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan mendesak Y.B. Menteri Dalam Negeri untuk menyiasat dan mengambil tindakan undang-undang yang tegas ke atas Yang Berhormat Lembah Pantai kerana mencemarkan nama baik negara menerusi kenyataan palsu berkenaan Tentera Laut Diraja Malaysia yang disiarkan akhbar Kompass di Indonesia. Dewan ini juga mengambil ketetapan bahawa tindakan mencemar nama baik negara oleh mana-mana individu atau kumpulan, terutamanya Ahli Dewan Yang Mulia ini, adalah amat keji dan harus dibendung tanpa sebarang tolak ansur."

**(Menteri Dalam Negeri)**

79. PR-1233-U39457

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan mencadangkan agar Y.A.B. Perdana Menteri melantik bekas panglima-panglima perkhidmatan dalam Angkatan Tentera Malaysia sebagai Ahli Dewan Negara agar kepentingan pertahanan negara diwakili di dalam Parlimen Malaysia. Dewan Yang Mulia ini juga sedar bahawa pelantikan sedemikian adalah selaras dengan amalan di negara-negara maju."

**(Perdana Menteri)**

80. PR-1233-U39459

**Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan mendesak Y.B. Menteri Dalam Negeri bersama-sama Y.B. Menteri Luar Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu dengan kadar yang segera untuk menyiasat dalang di sebalik kejadian tunjuk perasaan anti-Malaysia di Jakarta baru-baru ini, di mana Jalur Gemilang dibakar dan Kedutaan Malaysia di Jakarta dilempar najis. Dewan seterusnya membuat ketetapan melucutkan kewarganegaraan mana-mana rakyat Malaysia yang didapati mengambil bahagian, bersubahat atau mendalangi tunjuk perasaan yang menghina Malaysia di luar negara."

**(Menteri Luar Negeri)**

81. PR-1233-U41028

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan moratorium tersebut."

**(Menteri Luar Negeri)**

82. PR-1233-U39084

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Kerajaan perlu menubuhkan sebuah institut pengajian tinggi awam mengikut fasa di kawasan zon tengah Sarawak khasnya di Kawasan Parlimen Sarikei memandangkan kawasan yang strategik untuk menyalurkan sumber tenaga, sesuai dengan eko-penyelelidikan dan penyuburan adat resam pelbagai kaum untuk Konsep 1Malaysia di antara

kawasan Zon Hab Halal Tanjung Manis dan Koridor Zon Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).""

**(Menteri Pengajian Tinggi)**

83. PR-1233-U39085

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Kerajaan perlu melengkapkan jaringan jalan raya di antara bandar Sarikei dan kawasan perindustrian Tanjung Manis dengan secepat mungkin kerana kelengkapan jaringan jalan raya akan melonjakkan ekonomi setempat dan negara serta menjadi mekanisme mustahak untuk mewujudkan perindustrian kos rendah dan sederhana di kalangan penduduk di antara kedua-dua bandar dan dijangka akan meningkatkan pendapatan berlipat-ganda kepada rakyat."

**(Menteri Kerja Raya)**

84. PR-1233-U39087

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Kerajaan perlu menaiktarafkan Hospital Sarikei dari segi kepakaran setanding dengan Hospital Sibu, Bintulu dan Mukah memandangkan pesakit di hospital ini adalah terdiri daripada pesakit jauh lebih miskin dan tinggal di kawasan pedalaman serta kebanyakannya menghadapi masalah kewangan/ekonomi. Sehubungan itu, ramai pesakit yang mendapat rawatan di hospital ini kerana berdekatan dengan kediaman mereka dan menjimatkan kerana tidak perlu membayar tol, masalah pengangkutan dan sebagainya. Kerajaan hendaklah mempertimbangkan rayuan rakyat, sekurang-kurangnya menambah doktor pakar pembedahan, sakit puan dan perbidanan di Hospital Sarikei."

**(Menteri Kesihatan)**

85. PR-1233-U39088

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Kerajaan Persekutuan perlu menambah peruntukan perbelanjaan/bajet tahunan kepada Kerajaan Negeri Sarawak sekurang-kurangnya 35% daripada 5% - 7% sebelum ini kerana negeri Sarawak masih mundur dan jauh ketinggalan dalam semua aspek jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Kemajuan pembangunan negeri Sarawak perlu setanding dengan Semenanjung sejajar dengan Konsep 1Malaysia. Dengan peningkatan pertambahan peruntukan

sebanyak 35% dijangka akan mengambil masa sebanyak 20 hingga 30 tahun, negeri Sarawak mampu setanding dengan Semenanjung Malaysia. Ini bukan sahaja pertumbuhan ekonomi dan pembangunan fizikal di negeri Sarawak malah perubahan mental juga dijangka akan meningkat secara mendadak melalui pendidikan kebangsaan iaitu 1Malaysia."

**(Menteri Kewangan)**

86. PR-1233-U39089

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Kerajaan perlu menjadikan makanan rojak, nenas Borneo, lada, mee Kam Pua, mee udang, limau Bintangor, dan lada dijadikan produk pelancongan peringkat kebangsaan dan seterusnya peringkat antarabangsa yang mampu mendatangkan jumlah pendapatan jutaan ringgit kepada negara."

**(Menteri Pelancongan)**

87. PR-1233-U39091

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Kerajaan perlu membina sebuah balai bomba di kawasan luar bandar Sarikei iaitu berdekatan dengan kawasan pedalaman khasnya untuk penduduk yang tinggal di rumah panjang. Ini disebabkan kebanyakan kawasan pedalaman rumah panjang tidak disediakan keselamatan kebakaran dan apabila dijilat api sering menyebabkan semua harta-benda tidak sempat diselamatkan malah nyawa mereka turut terancam. Sehubungan dengan itu, balai bomba yang sedia ada di Sarikei dan Bintangor adalah jauh dengan tempat kediaman mereka dan jarang sempat menyelamatkan mereka. Selain itu, pili-pili bomba juga perlu dipasang berhampiran dengan kawasan rumah panjang khasnya agar kediaman mereka sentiasa terjamin."

**(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

88. PR-1233-U39092

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** akan mencadangkan:

"Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Dewan ini membuat ketetapan untuk mengkaji semula keputusan Yang Di-Pertua pada 09hb Disember 2010 untuk memberhentikan soalan tambahan oleh Ahli Parlimen Jelutong YB Jeff Ooi Chuan Aun berkenaan dengan percanggahan fakta seperti mana yang dinyatakan dalam Dewan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan dengan apa yang dinyatakan oleh mantan Menteri Pengangkutan YB Pandan dan YB Datuk Seri Ong Tee Keat pada April 2009 mengenai tarikh persiapan projek menaikkan taraf Lapangan terbang Antarabangsa Pulau Pinang berdasarkan alasan sub-judice; dan membuat ketetapan bahawa keputusan tersebut adalah salah dan diketepikan oleh sebab mantan Menteri Pengangkutan berkenaan, yakni YB Pandan, tidak merupakan seorang mantan Menteri Pengangkutan yang kini sedang dalam perbicaraan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Di-Pertua."

**(Perdana Menteri)**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2010</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR.3	Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.	14 Disember 2010
ST.177	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tembakau Negara Bagi Tahun 2009	14 Disember 2010
ST.203	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) Bagi Tahun 2009	14 Disember 2010
ST.204	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Bagi Tahun 2009	14 Disember 2010
CMD.51	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. -Pengesahan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Badan Berkanun Persekutuan.	14 Disember 2010